



PERATURAN WOODBALL
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARiSTA UiTM)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang permainan yang dikeluarkan oleh Persatuan Persatuan Woodball Antarabangsa dan Peraturan AM Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM
- 1.2 Selain dari peraturan umum diatas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran KARiSTA.

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara **INDIVIDU**

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan Individu
 - 3.1.1 Seorang pemain dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.
 - 3.1.2 Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:
 - 3.1.2.1 Individu Lelaki
 - 3.1.2.2 Double Lelaki
 - 3.1.2.3 Individu Wanita
 - 3.1.2.4 Double Wanita

4.0 PERALATAN

Seluar panjang slack atau track bottom dan T-Shirt berkolar serta berkasut sukan. Seluar jeans adalah dilarang sama sekali. Alat permainan iaitu mallet dan bola yang digunakan adalah dari jenama Hui King , Dr Pat dan Jack King sahaja dibenarkan.

5.0 PENENTUAN PEMENANG

Pemenang akan ditentukan melalui:

- 5.1 Pukulan terendah untuk keseluruhan 48 gate bagi 24 gate hari pertama dan 24 hari kedua akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

5.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambilkira jumlah pukulan terendah gate 13-24 pada hari kedua, bilangan Gate In One (GIO), eagle, birdie atau par paling banyak. Jika masih seri, pengiraan OCB (On Count Back) akan dibuat dimana pengiraan dilihat melalui jumlah pukulan terendah 12 gate pertama.

6.0 KELEWATAN

Masa diberi 15 minit dari mula masa permainan. Sekiranya lewat kesemua pasukan dibatal dari menyertai perlawanan.

7.0 PERLAWANAN DITUNDA/DIBERHENTIKAN

Sekiranya cuaca buruk, penglihatan kurang jelas, kekurangan gelanggang dan masa, jawatankuasa berkuasa mengadakan perlawanan kepada 12 fairway sahaja di mana pemain yang mendapat pukulan terendah bagi 12 gate pertama.

8.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARISTA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.